

Berita B@UTeM

www.utem.edu.my | edisi Khas Konvokesyen 2013

Wajlis
Konvokesyen
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Dewan Besar UTeM • 26 - 27 Oktober 2013

ke-9

Setinggi-tinggi


TAHNIAH

Y.BHG. DATUK WIRA HJ. ISMAIL BIN SALEH

di atas perlantikan sebagai

Pro Canselor Kedua

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



Y.A.B. DATUK SERI IR.
HJ. IDRIS BIN HJ. HARON

di atas penganugerahan

IJAZAH KEHORMAT DOKTOR
PENGURUSAN KEJURUTERAAN

Masanya tetah tiba...

SYABAS & TAHNIAH
GRADUAN



Sekapur Sirih

NAIB CANSELOR


Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertamanya, Alhamdulillah saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadarat Allah SWT, kerana dengan kurnia dan izin-Nya dapatlah kita bersama-sama meraikan para graduan UTeM yang telah berjaya menamatkan pengajian seterusnya bakal dianugerahkan segulung ijazah pada Majlis Konvokesyen Ke 9 UTeM yang penuh dengan adat istiadat gemilang.

Majlis Konvokesyen ke 9 UTeM kali ini akan diadakan sebanyak 4 sesi dan bakal menyaksikan penganugerahan ijazah kepada 2,110 orang graduan dari pelbagai bidang serta peringkat pengajian termasuk 167 graduan sulung Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan. Daripada jumlah besar ia merangkumi 2 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 212 orang graduan Ijazah Sarjana, 1,548 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 348 orang graduan Diploma. Sekalung tahniah serta syabas kepada semua bakal graduan kerana pada detik inilah segala pengorbanan, berkat kesabaran dan doa restu ibu bapa serta keterlibatan sepanjang pengajian di UTeM dibalas dengan segulung ijazah sebagai tiket kejayaan untuk masa depan.

Pada Majlis Konvokesyen ke 9 ini juga, UTeM turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Kejuruteraan kepada Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka yang juga merupakan Menteri Mentor UTeM.

Era transformasi pendidikan masa kini yang ditambah dengan ledakan globalisasi, menuntut UTeM untuk terus komited dalam melalui fasa peralihan yang lebih berfokus kepada perkara yang terancang dan terarah di samping menitikberatkan aspek kelestarian dan juga kesejahteraan. Dari aspek pengantarabangsaan, saya mengucap syukur kerana berkat kesungguhan serta semangat kerja berpasukan yang tinggi dikalangan warga universiti telah menampakkan hasil apabila UTeM berjaya menjalinkan kolaborasi strategik dengan Universiti dan Industri luar negara yang ternama seperti Perancis, Jerman, dan United Kingdom. Jalinan strategik ini bakal membuka ruang dan peluang bagi UTeM memperkasakan lagi aspek-aspek penyelidikan dan inovasi, pembangunan akademik, dan perkongsian kepakaran bagi memastikan graduan yang dilahirkan UTeM memiliki ilmu dan juga kemahiran dalam menempuh pasaran kerja global masa hadapan.



Penubuhan UTeM Career Connect membuktikan kesungguhan UTeM dalam memperkasakan lagi aspek kebolehpasaran graduan. Komitmen UTeM menerusi program-program GLAD, Knowledge Transfer Programme, Campus Connect, CEO Roundtable, SME University Internship dan iCoE Collaboration Project telah memberikan pencapaian yang besar bagi Universiti muda seperti UTeM di mana menerusi hasil Kajian Pengesahan 2013, 86.12% graduan UTeM telah berjaya memperoleh pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduat pada Majlis Konvokesyen ke 8 UTeM.

Saya ingin berpesan kepada para graduan yang telah dididik, diasuh, diperkayakan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran sehingga memiliki ijazah supaya tidak lupa kepada UTeM dan seterusnya menjadikan badan Alumni UTeM sebagai wadah untuk menyumbang bakti kepada generasi UTeM yang akan datang. Selamat menempuh alam kerjaya. Bagi pihak seluruh warga Universiti, saya mendoakan kesejahteraan dan kejayaan yang berpanjangan. Saya juga berharap agar semua ilmu pengetahuan serta kemahiran yang telah ditimba dan dibekalkan akan dijadikan asas dalam memenangi peluang yang ada sebaik mungkin bagi melonjakkan potensi diri ke arah menjadi insan cemerlang dan terbilang di dunia dan di akhirat.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan
Naib Canselor

PRO CANSELOR KEDUA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Y.Bhg. Datuk Wira Hj. Ismail bin Saleh merupakan mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan mantan Ketua Setiausaha Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi. Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sastera (dengan kepujian) dari Universiti Malaya ini pernah mengikuti program kaunselor perdagangan di Yayasan Pembangunan Antarabangsa Jerman pada tahun 1979.


Beliau memulakan kerier sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Dalam Negeri sebelum dilantik sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pengalaman dan peranan beliau dalam bidang perdagangan antarabangsa semakin menyerlah apabila diberi kepercayaan selaku Penolong Pesuruhjaya Perdagangan di San Francisco, Pesuruhjaya Perdagangan di Singapura dan Pesuruhjaya Perdagangan di Paris.

Beliau seterusnya menjawat jawatan Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Pembangunan Industri sebelum dilantik sebagai Pengarah Kanan di SME Corporation.

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Bahagian Sokongan Perdagangan, Pengarah Kanan Bahagian Hubungan Perdagangan serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif di Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Datuk Wira Ismail juga pernah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah di pelbagai organisasi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Pada ketika ini, beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Tradewinds (M) Berhad, Pengurus Eksekutif MARDEC Berhad dan Pengurus Central Sugar Refinery Sdn. Bhd. Beliau turut dilantik menganggotai ahli lembaga pengarah Tradewinds (M) Bhd., Tradewinds Plantation Bhd, Padiberas Nasional dan Gula Padang Terap Sdn Bhd.

Datuk Wira Ismail telah dilantik sebagai Pro Canselor Kedua UTeM selama tiga tahun berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2013 hingga 30 September 2016.



Y.Bhg Datuk Wira Hj. Ismail Bin Saleh

Penerima Ijazah Kehormat Doktor

PENGURUSAN KEJURUTERAAN

Y.A.B. Datuk Seri Ir. Haji Idris bin Haji Haron dilahirkan pada 13 Mei 1966 di Kampung Relau Jasin, Melaka.

Menelusuri sejarah kehidupan Y.A.B. Datuk Seri Ir. Haji Idris, beliau memaklumkan bahawa dirinya berasal daripada sebuah keluarga yang serba kekurangan. Namun begitu, ia tidak pernah menghalang beliau daripada memasang azam dan cita-cita untuk berjaya dalam hidup.

Kembara awal beliau dalam menimba ilmu bermula di Sekolah Kebangsaan Asahan, Jasin. Di sinilah beliau bertemu dengan seorang ikon dan negarawan ulung yang bakal menjadi salah seorang idola beliau seterusnya mempengaruhi cara beliau berfikir dan melihat dunia ini. Kehadiran Y.A.Bhg Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang ketika itu Menteri Pelajaran, ke Sekolah Kebangsaan Asahan 38 tahun lalu ketika mana beliau hanya berumur sembilan tahun masih diingati dengan jelas.

Keazaman dan kegigihan Y.A.B Datuk Seri Ir. Haji Idris untuk menjadi pelajar berjaya telah membawa hasil bila mana beliau diterima masuk ke Sekolah Menengah Sains Muzaffar Shah, sebuah sekolah berasrama penuh yang berprestij di Melaka.

Seusai menamatkan pengajian peringkat menengah dengan cemerlang, Y.A.B. Datuk Seri Ir. Haji Idris meneruskan langkah cemerlang apabila ditawarkan peluang melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat di Universiti Texas yang berpusat di El Paso. Di sana beliau menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan elektrik dan menamatkan pengajian pada tahun 1989.

Beliau berkhidmat di TNB selama 10 tahun bermula dengan jawatan jurutera pengguna di LLN Kajang (1989), Jurutera Operasi TNB, Kajang (1991), Pengurus Struktur dan Perancangan TNB, Kajang (1993), Pengurus Operasi dan Senggaraan TNB, Jasin (1998) sehingga dilantik pangkat menjadi Pengurus Bisnes Daerah di TNB Distribution Sdn. Bhd. di Melaka (1999).

Pada masa yang sama, beliau mula bergerak aktif dalam bidang politik dengan bertapak di Tangga Batu. Sebagai anak muda yang penuh dengan wawasan, setiap khidmat bakti yang diberikan sudah tentu dilaksanakan dengan tidak berbelah bahagi. Justeru itu, tidak hairanlah bakat yang dimiliki beliau dapat dihulu oleh ramai pihak termasuklah Y.A.B. Ketua Menteri Melaka ketika itu iaitu Datuk Seri Mohd Ali bin Rustam yang juga merupakan mentor beliau dalam bidang politik.



Y.A.B. Datuk Seri Ir. Haji Idris bin Haji Haron
Ketua Menteri Melaka

Maka tidak hairanlah melihat beliau meniti kejayaan demi kejayaan dalam gelanggang perkhidmatan awam sehingga dilantik sebagai Y.A.B. Ketua Menteri Melaka yang kesepuluh pada 7 Mei 2013 yang lalu. Antara pencapaian hebat beliau sebelum berada di tempat pemerintahan negeri sekarang termasuklah pernah dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengajian Tinggi (2008-2009) dan juga Pengurus Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) selepas itu. Di samping itu juga, pengalaman dan kepakaran beliau turut ditagih oleh UTeM bila mana beliau telah dilantik sebagai salah seorang ahli lembaga pengarah universiti. Bak benih yang baik, walau di manapun beliau diletakkan, sumbangan demi sumbangan terus disumbangkan melalui cetusan idea yang kreatif yang mampu melonjakkan UTeM sebagai antara peneraju dalam bidang pendidikan kejuruteraan dan teknologi.

Pengiktirafan juga turut diberikan oleh pelbagai pihak termasuklah oleh kerajaan negeri Melaka dalam menghargai sumbangan dan jasa bakti beliau kepada negeri dan Negara. Anugerah-anugerah yang pernah beliau raih termasuklah Darjah Gemilang Seri Melaka (2013) yang membawa gelaran Datuk Seri, Darjah Cemerlang Seri Melaka (2011) yang membawa gelaran Datuk Wira, Darjah Mulia Seri Melaka (2005) yang membawa gelaran Datuk dan juga Darjah Seri Melaka (2002). Terkini, pada 11 Oktober 2013 yang lalu, beliau telah dianugerahkan Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) yang membawa gelaran Datuk Seri. Selain itu beliau juga pernah dianugerahkan sebagai Tokoh Belia Maal Hijrah (2003), Anugerah Tertinggi Personaliti Belia (2003).

Statistik

Bilangan Pelajar Bergraduat Tahun 2013 (* Sehingga 5 Oktober 2013)

Keseluruhan



Mengikut Fakulti

PERINGKAT PENGAJIAN

FAKULTI	PhD	Sarjana	Sarjana Muda	Diploma	Jumlah
FKE	-	10	315	65	390
FKEKK	1	97	314	54	466
FKM	-	5	238	67	310
FKP	-	49	245	89	383
FTMK	1	33	269	73	376
FPTT	-	18	167	-	185
FTK	-	-	-	-	-
					2,110

Nota:

- FKE** – Fakulti Kejuruteraan Elektrik
- FKEKK** – Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer
- FKM** – Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
- FKP** – Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
- FTMK** – Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi
- FPTT** – Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan
- FTK** – Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Sekalung Tahniah

DARIPADA DEKAN-DEKAN FAKULTI

Knowledge and skills gained after spending an interesting and challenging number of years at UTeM will be highly relevant if they are put to a good use, i.e., to make this world a better place to live, to put a true meaning to our lives and to facilitate our subservience to the Creator. Congratulations and ALL THE BEST to all graduates



PROF. DR. MOHD RAZALI MUHAMMAD
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah



Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat meraikan Majlis Konvokesyen UTeM buat kali ke-9 pada tahun 2013 ini. Sekalung ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada semua graduan UTeM yang telah berusaha menempuh liku dan ranjau dalam memastikan kejayaan pengajian masing-masing.

Tamatnya pengajian di UTeM ini, bermakna bermulanya kehidupan sebenar di dunia luar. Selaku duta kecil kepada fakulti dan juga UTeM secara umumnya, graduan seharusnya mampu memperkenalkan ciri-ciri seorang graduan yang menepati kehendak industri semasa yang antara lainnya memerlukan tenaga kerja yang kreatif, inovatif dan berintegriti tinggi. Secara tidak langsung, adalah menjadi tanggungjawab graduan dalam mempromosikan kekuatan UTeM di persada nasional dan antarabangsa. Para graduan juga dialukan mendaftarkan sebagai ahli alumni bagi memastikan kesinambungan antara graduan dengan pihak universiti. Melalui persatuan alumni, para graduan akan sentiasa mendapat maklumat terkini berkaitan aktiviti universiti/fakulti dari masa ke semasa. Semoga dengan kerjasama dari semua pihak, UTeM akan mampu untuk mencapai objektif penubuhan dengan jayanya.

PROF. MADYA DR. ABDUL RANI BIN OTHMAN
Dekan
Fakultti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer

Sempena konvokesyen ke 9 UTeM, saya bagi pihak seluruh kakitangan Fakulti Kejuruteraan Elekrik mengucapkan syukur kepada alah s.W.T. Kerana dapat melahirkan tenaga kerja mahir yang menjadi tumpuan pembangunan negara maju. Jutaan tahniah kepada semua graduan dari kursus ijazah muda kejuruteraan elektrik (kuasa), (pemacu dan elektronik kuasa), (kawalan, instrumentasi dan automasi), ijazah sarjana muda kejuruteraan mekatronik dan diploma kejuruteraan elektrik kerana telah berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya. Sesungguhnya kejayaan ini adalah berkat hasil usaha gigih para graduan serta pengorbanan dan kerjasama yang diberikan oleh pensyarah, kakitangan teknikal, pentadbiran dan ibubapa. Diharapkan ilmu dan pengalaman yang diperolehi semasa di kampus dapat dimanfaatkan sebaik mungkin, diaplikasi dan dikembangkan supaya para graduan akan menjadi seorang profesional yang berkemahiran tinggi, kreatif, inovatif dan seimbang dari segi rohani dan jasmani.



PROF. MADYA DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM
Dekan
Fakultti Kejuruteraan Elekrik



Sekalung ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada semua graduan Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang diraikan kerana telah berjaya menamatkan pengajian mereka dalam bidang yang dipelajari di sini dan seterusnya menerima pengiktirafan akademik atas pencapaian yang cemerlang sempena Majlis Konvokesyen UTeM Kali Ke-9 di dewan yang indah ini.

Sesungguhnya kejayaan anda adalah kejayaan bagi semua pihak kerana berkat dan kurniaan Allah yang maha Esa memberikan keupayaan kepada semua pihak untuk berusaha, berbekalkan doa dan restu ibu bapa dan juga tenaga pengajar di UTeM yang tidak pernah rasa penat mencurahkan ilmu kepada semua. Sesungguhnya, majlis konvokesyen ini adalah titik permulaan untuk anda semua memulakan kerjaya sebagai jurutera bagi menerahkan sumbangan kepada Negara berbekalkan segala ilmu yang dipelajari sepanjang pengajian di UTeM. Jadilah insan yang berguna di luar sana dan gunakanlah sepenuhnya kesempatan dan ilmu yang diperolehi serta jagalah etika dan moral dalam kerjaya masing-masing dan terus menyumbang semua kepada agama, bangsa dan Negara Malaysia dalam meningkatkan ekonomi bumi Malaysia tercinta ini.

DR. NOREFFENDY BIN TAMALDIN
Dekan
Fakultti Kejuruteraan Mekanikal



Settinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan khususnya graduan FKP di atas segala daya dan usaha, kegigihan dan kesabaran sepanjang mengharungi pengajian dalam memburu cita-cita mereka. Syabas dan tahniah juga kepada ibu bapa dan ahli keluarga di atas sokongan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang tempoh pengajian sehingga kesemua graduan berjaya melakar sejarah peribadi di dalam kehidupan mereka.

Kepada semua graduan, kemajuan ilmu bukanlah kepada sijil semata-mata tetapi penghayatannya. Sentiasalah berbudi bahasa serta menjaga keperibadian dan kualiti jiwa. Sentiasa sematkan di jiwa, ilmu yang tidak bermanfaat akan memudaratkan kita. Selamat Berjaya.

PROF. MADYA DR. MOHD RIZAL BIN SALLEH
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Saya selaku Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) ingin mengucapkan settinggi-tinggi Tahniah kepada para graduan yang akan menerima anugerah masing-masing. Begitulah hasil tuaian yang saudara dan saudari perolehi setelah penat 'menyemai', 'membajak', 'membaja' dan 'bertarung dengan binatang perosak' dan akhirnya berjaya mengecapi hasil yang ditunggu-tunggu. Andaian yang saya buat ini bertepatan dengan usaha yang para graduan tempohi. Untuk mengecapi pencapaian yang cemerlang para graduan perlu menempuh pelbagai halangan dan dugaan sebelum menikmati kemanisannya. Sekali lagi saya mengucapkan settinggi-tinggi tahniah kepada semua. Jadilah yang terbaik di kalangan yang baik-baik!



PROF. MADYA DR. MOHD KHANAPI ABD GHANI
Dekan
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Tahniah! 祝贺 Vaalthukal! Congratulations! Omedetou! Félicitations! ټېنھ Chunghahaeyo!

Diucapkan kepada semua penerima Ijazah dan Diploma di Konvokesyen Ke-9 Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Sesungguhnya segala usaha, kegigihan dan komitmen yang tinggi serta sokongan daripada ibubapa masing-masing telah membolehkan para graduan semua menamatkan pengajian dan mengecapi kejayaan yang diraikan dengan penuh gemilang ini. Selamat menempuh dunia realiti dan pergunakanlah ilmu yang diperolehi dengan profesionalisme yang tinggi demi pembangunan negara dan sentiasa komited untuk "Menyerlah Jauh dari Yang Biasa".

PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan



Saya mewakili warga Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) ingin melahirkan rasa kesyukuran dan mengucapkan TAHNIAH kepada graduan yang menyambut hari yang penuh bermakna iaitu penganugerahan ijazah yang sekian lama dinanti. Kejayaan para graduan bukanlah kejayaan anda seorang sahaja bahkan kejayaan yang diperolehi adalah berkat dari segala usaha, ketekunan, kesabaran, pengorbanan serta irungan doa dari orang-orang tersayang. Harapan kami agar graduan dapat memanfaatkan segala ilmu yang diperolehi dengan sebaik mungkin untuk kesejahteraan di dunia dan juga akhirat.

DR. MARIANA YUSOFF
Dekan
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan



Bagi pihak Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT), saya ingin mengucapkan TAHNIAH kepada semua GRADUAN SISWAZAH SULUNG dan graduan pascasiswa fakulti. Hari ini merupakan hari saudari/saudari, yang merupakan hari yang menjelaskan segala usaha dan penat-lelah yang telah di graduan curahkan demi masa depan semua. Kepada graduan siswazah sulung fakulti, saudara/saudari membawa satu tanggungjawab yang besar kerana pasaran ingin melihat kejayaan saudara/saudari dan betapa relevannya fakulti kepada kehendak pasaran.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua ibubapa kepada graduan yang terlibat. Tahniah juga kepada pensyarah-pensyarah fakulti yang telah berjaya menggubal dan mengurus penyampaian kepada kumpulan pertama siswa/siswi FPTT dengan jayanya.

PROF. MADYA DR. MD.NOR HAYATI TAHIR
Dekan
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan

Testimoni Majikan 2013

We have several high caliber young Engineers who graduated from UTeM working in Agilent. UTeM's graduates possess good career skills and has demonstrated positive work attitude in work place. They are proven to be fast learner, independent and able to adapt easily into dynamic work environment. Agilent is convinced with the quality of UTeM's graduates.

Sandy Ma

Campus Program Manager

Agilent Technologies Agilent Technologies Microwave Products (M) Sdn Bhd

Understanding the skills sets needed, imparting required and practical knowledge and having personal attributes that the market wants, UTeM has produced a commendable number of graduates. We, Infineon Melaka are proud to have employed some of the competent and committed graduates in our workforce. UTeM graduates have displayed a high level of enthusiasm, high quality and dedication to deliver outstanding results for the company.



Mr. Tan See Tai
Senior Manager
High Performance and Communications
Infineon Technologies (Malaysia) Sdn Bhd

UTeM students have the technical skills that we need. Keep on producing these kinds of students as they are much better than students from other universities.

Western Digital has a close relationship with UTeM on various programs. UTeM graduates have been a substantial contributor to our workforce, and we find them to be very productive, competent and creative in their performance. Western Digital has chosen UTeM to be our partner for the Graduate Induction Program, and for other collaborations, due to the quality of its graduates. We look forward to a long-term relationship with UTeM in working together on many more initiatives to meet the challenges of industry growth.



Prasad Chandran

Senior Manager Tech. HRD & RC
Western Digital

Dr Ahmad Zaharim Abdul Aziz
CEO & Managing Director
Danau Digital Sdn. Bhd.



Ucapan Tahniah Alumni

Saya mewakili AUTeM (Persatuan Alumni UTem) mengucapkan sekalung tahniah kepada para graduan yang diraikan dalam majlis gilang gemilang konvokesyen ke 9 UTeM.

Platform baru kehidupan bakal anda tempuh di fasa pekerjaan mahupun memilih menjadi usahawan. Platform baru ini amat mencabar jadi sebagai nasihat dari seorang abang kepada adik maka yang penting adalah kerjasama. Kerjasama antara rakan-rakan di universiti dahulu dan kerjasama dengan para alumni universiti yang telah lama berada di platform ini. Rangkaian kerja dan sosial amat kritikal bagi anda melonjak ke atas dalam arena pekerjaan mahupun keusahawanan.

Seruan saya bersikaplah positif sentiasa dan sertailah AUTeM bagi membantu anda membina rangkaian baru. Setelah kerjaya telah berkembang maka usah lupa menyumbang kembali kepada masyarakat hatta bukan hanya dari segi kewangan tapi masa, kemahiran dan tenaga kerja.



Mohd Rahshidi Zakaria
Presiden AUTeM 2011-2013


Berita Ba UTeM

www.utem.edu.my | edisi September 2013



Desi Ramah Mesra **MENTERI MENTOR** Bersama **MAHASISWA**

LAUNGAN
"UTEM BOLEH!"
BERGEMA DI PUNCAK
GUNUNG KINABALU



Isi Kandungan September

- 2 Menteri Mentor Bersama Mahasiswa
- 3 Ekspedisi Jejak Kinabalu
- 4 UTeM dan UDINUS Terus Perkuuh Hubungan Dua Hala
- 5 CAeL 2013 Perkasakan Pembelajaran Aktif Dan E Pembelajaran
- 6 UTeM Catat Kemasukan 2,493 Pelajar Baru
- 7 Minggu Haluan Siswa Lahirkan Siswa Berketerampilan
- 8 Pejabat Pendaftar Tingkat Mutu Perkhidmatan Melalui Amalan 5S
- 9 Pesta Kuih Bulan UTeM Meriah
- 10 Lawatan Audit Program Pascaijazah Institut Pengajian Tinggi Awam
- 11 UTeM Terima Kemasukan 118 Pelajar Pascasiswazah
- 12 Kelab Rakan 1Malaysia UTeM Rancang Program Kesukarelaan
- 13 Pejabat Bendahari Ikuti Program Perintis
- 14 Kempen Derma Darah Dapat Sambutan Hangat
- 15 Siswa UTeM Jayakan Program Bumi Hijau
- 16 Iklan Harijadi TYT



19 September : Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Ir. Idris Haron selaku Menteri Mentor UTeM telah meluangkan masa bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan 3,000 mahasiswa di Dewan Besar pada satu sesi ramah mesra yang diadakan hari ini.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan ketika berucap merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Datuk Wira Ir. Idris Haron kerana memberikan sokongan padu kepada UTeM dan sentiasa mengambil berat terhadap isu-isu berkaitan mahasiswa.

Perjumpaan pada kali ini turut diadakan sesi dialog bersama Idris dan mahasiswa yang hadir telah mengambil kesempatan untuk berdialog mengenai pelbagai isu terutamanya peranan dan halatuju mahasiswa bagi merealisasikan wawasan negara.

Secara keseluruhan, perjumpaan yang julung kali diadakan ini berjaya merapatkan hubungan sediakala erat di antara Ketua Menteri dan UTeM. Hadir sama pada majlis tersebut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali Ibrahim.





Laungan “UTeM BOLEH!”

BERGEMA DI PUNCAK GUNUNG KINABALU

27 September : Naib Canselor mencipta sejarah gemilang apabila mengetuai pasukan pendaki UTeM menawan puncak Gunung Kinabalu hari ini.

Pasukan pendaki UTeM seramai 18 orang memulakan pendakian dari Timpoohon Gate pada pagi Khamis 26 September berbekalkan semangat dan tekad menjulang nama universiti ke peringkat lebih tinggi.

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan sewaktu ditemui berkata, persediaan awal telah dilaksanakan bagi memastikan tahap kecergasan pendaki berada dalam keadaan terbaik dan bersedia dengan bentuk muka bumi yang curam serta cuaca yang tidak menentu sepanjang pendakian itu.

Setelah mengharungi perjalanan selama lebih enam jam, pasukan pendaki UTeM mula tiba di Laban Rata mengikut beberapa kumpulan yang dibentuk bagi memudahkan proses pendakian.

Pada jam 2.30 pagi Jumaat, bermulanya cabaran sebenar untuk meneruskan pendakian dari Laban Rata ke puncak Gunung Kinabalu.

Dalam keadaan angin yang kencang dan suhu serendah 4 darjah celcius, pasukan pendaki UTeM lengkap dengan peralatan seperti lampu kepala, sarung tangan dan pakaian tebal memulakan perjalanan sejauh dua kilometer menuju ke puncak gunung.

Tepat jam 6.50 pagi, Dr. Ahmad Yusoff bersama 15 pendaki lain menjakkan kaki di puncak tertinggi di Asia Tenggara itu dan mengibarkan bendera kebanggaan UTeM. Ungkapan syukur dan “UTeM Boleh!” dilaungkan oleh pasukan pendaki menandakan kejayaan ekspedisi tersebut.

Dr. Ahmad Yusoff yang ditemui berkata, pendakian amat mencabar fizikal dan mental namun beliau kagum dengan semangat kerjasama yang ditunjukkan ahli-ahli ekspedisi itu.



Tambah beliau, kerjasama dan semangat sedemikian jika diterjemah dalam konteks tugas harian mampu membawa kecemerlangan kepada universiti seterusnya menjadi sebuah institusi pengajian tinggi disegani.

Turut sama menyertai ekspedisi itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof. Dr. Muhammad Ghazie Ismail, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff, Pengarah Pusat Sukan Dr. Asiah Hj. Mohd Pilus serta Pengarah Pusat Islam Dr. Radzuan Nordin.

Manakala beberapa pemimpin pelajar dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) turut sama mencipta kejayaan mengibarkan bendera UTeM di puncak gunung itu.



UTeM & UDINUS

Terus Perkuuh
HUBUNGAN DUA HALA

17 September : Delegasi Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS) dari Semarang, Indonesia hari ini mengadakan kunjungan muhibbah ke Pejabat Naib Canselor di Kampus Induk dalam rangka lawatan ke UTeM.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Antarabangsa UTeM, kunjungan tersebut antara lain ingin mengukuhkan hubungan dua hala yang sedia terjalin di samping mengadakan perbincangan terhadap pelaksanaan program kerjasama antara kedua-dua universiti.



Delegasi UDINUS disertai oleh Dr. Abdul Syukor selaku Rektor dan Dr. Heru Agus Santoso, Dekan Teknik Informatika telah mengadakan pertemuan dengan Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di pejabatnya.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pihak membincangkan hal-hal berkaitan kerjasama akademik dan program fast track khususnya dalam bidang teknologi maklumat.

Dr. Ahmad Yusoff Hassan ketika ditemui berkata, hubungan UTeM dan UDINUS sememangnya akrab dan perkara itu dibuktikan melalui beberapa siri pertukaran pelajar dan kerjasama akademik yang sedang berlangsung pada ketika ini.

Turut hadir pada pertemuan itu Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, Prof. Dr. Shahrin Sahib@ Sahibuddin.



CAeL₂₀₁₃

PERKASAKAN PEMBELAJARAN AKTIF DAN E-PEMBELAJARAN

18 September : Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) hari ini menganjurkan Kolokium Pembelajaran Aktif dan E-Pembelajaran (CAeL 2013) bertempat di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah Melaka.

Bertemakan "Kecemerlangan Pendidikan Melalui Pengajaran dan Pembelajaran Berkualiti" kolokium tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor.

Menurut Pengarah PPP, Dr. Syed Najmuddin Syed Hassan berkata, CAeL 2013 disertai oleh ahli-ahli akademik dari pelbagai fakulti yang membentangkan kepakaran masing-masing serta berkongsi pandangan dan pengalaman dalam pembelajaran secara interaktif.

"Melalui kolokium yang dianjurkan, kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan dan perkara tersebut secara tidak langsung boleh melonjakkan pencapaian pelajar ke tahap yang lebih cemerlang," jelas Dr. Syed.

Katanya lagi, penggunaan media interaktif secara meluas dalam sesi pembelajaran merupakan satu keperluan yang harus dikuasai oleh pensyarah untuk menjadikannya berkesan dan kolokium tersebut menjadi medan perbincangan bagi menjawab setiap permasalahan berkaitan.

Dr. Syed melahirkan harapan agar kolokium yang dianjurkan dapat memberi input berguna kepada peserta khususnya dalam memperkasakan pengajaran dan pembelajaran seiring dengan matlamat universiti dalam melahirkan graduan holistik dan berkemahiran tinggi.

PPP PUSAT
PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN

 **PSTP**
Pusat Sumber & Teknologi Pengajaran
Centre for Academic Resources & Technology
UFE@UTeM
Learning in Healthy Environment of Mind



UTeM CATAT KEMASUKAN 2,493

PELAJAR BAHARU SESI 2013/2014

1 September : Seramai 2,493 orang pelajar telah mendaftarkan diri di UTeM untuk mengikuti kursus kejuruteraan, teknologi dan pengurusan bagi sesi akademik 2013/2014 di Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), daripada jumlah tersebut seramai 1,417 orang merupakan pelajar lelaki manakala 1,076 orang merupakan pelajar perempuan yang bakal mengikuti pengajian di tujuh buah fakulti.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui berkata, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah merekodkan kemasukan pelajar seramai 664 orang diikuti Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

(FTMK) dengan pelajar seramai 441 orang dan ini jelas membuktikan UTeM terus menjadi universiti pilihan sejajar dengan statusnya sebagai sebuah universiti teknikal awam pertama di negara ini.

"Biarpun menghadapi persaingan dengan institusi pengajian tinggi yang lain, UTeM terus mendapat kepercayaan ibu-bapa dan pelajar untuk melanjutkan pengajian berikutan keunikan program akademiknya yang mempraktikkan sistem pembelajaran dan pengajaran berkonsepkan teknikal dan menepati keperluan industri" ujar beliau.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Minggu Haluan Siswa 2013 / 2014

LAHIRKAN SISWA BERKETRAMPILAN


2 September : Bersempena dengan pendaftaran pelajar baru bagi sesi akademik 2013/2014, UTeM menganjurkan Minggu Haluan Siswa (MHS) bagi melahirkan pelajar yang berketrampilan serta mempunyai jati diri yang tinggi.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid berkata, pelbagai pengisian program telah direncanakan sepanjang MHS seperti sesi ceramah, latihan dalam kumpulan, riadah dan keagamaan bagi mendidik pelajar menjadi lebih berani dan berwawasan dalam menempuh alam pembelajaran di peringkat yang tinggi dan penuh cabaran.

"Saya berharap agar semua pelajar mengambil peluang yang ada untuk menimba ilmu disamping dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri masing-masing supaya menjadi graduan yang berilmu, berkemahiran dan berdaya saing serta dapat mendokong misi universiti untuk melahirkan mahasiswa yang kreatif dan inovatif" jelas Dr. Izaidin semasa ditemui.

Majlis Perasmian MHS disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, bertempat di Dewan Besar Kampus Induk Durian Tunggal. Seramai 2900 orang pelajar terlibat di dalam program itu





PEJABAT PENDAFTAR Tingkat Mutu Perkhidmatan Melalui **AMALAN 5S**

6 September : Pejabat Pendaftar hari ini tampil dengan inisiatif bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan melalui amalan 5S.

Bertempat di Auditorium Canselori, satu majlis pelancaran amalan 5S telah disempurnakan oleh Pendaftar UTeM, Datuk Hasan Sirun dengan dihadiri seluruh kakitangan jabatan tersebut.

Sewaktu menyampaikan ucapannya, Hasan menyeru kakitangan Pejabat Pendaftar agar menumpukan sepenuh fokus dan kerjasama erat bagi memastikan objektif amalan 5S tercapai.



Jelasnya lagi, bertemakan "Jom Kita 5S", objektif utama pelaksanaan amalan tersebut adalah untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa, bersih dan selamat.

Mengulas lanjut, pelaksanaan amalan 5S di jabatan itu bakal menambahbaik operasi harian serta meningkatkan mutu perkhidmatan Pejabat Pendaftar ke tahap yang lebih cemerlang.

"Saya berharap amalan 5S ini dijadikan sebagai satu ibadah dalam usaha kita memberi perkhidmatan terbaik kepada warga universiti dan bukannya dijadikan aturan kerja yang perlu dilaksanakan semata-mata," kata Hasan dalam ucapannya.

Pada majlis itu Hasan menyerahkan polisi dan Buku Amalan 5S kepada semua ketua-ketua zon yang dilantik. Turut diadakan penyampaian hadiah kepada staf di jabatan berkenaan yang memenangi pertandingan mencipta logo dan slogan amalan 5S.

Pesta Kuih Bulan UTeM MERIAH

Kelab Kebudayaan dan Keseniaan Cina UTeM dengan kerjasama Unit Kebudayaan dan Warisan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Pesta Kuih Bulan di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Menurut Pengarah Program Teh Chee Khoon, pesta yang memasuki edisi keenam tahun ini bermatlamat untuk mempromosikan budaya tradisi kaum Cina yang semakin dilupakan oleh generasi muda masa kini serta memupuk semangat perpaduan dan kebudayaan berbilang kaum di negara ini selaras dengan konsep 1Malaysia.

"Pesta ini merupakan salah satu perayaan tradisional penting dikalangan masyarakat Cina di seluruh dunia yang menyambutnya pada hari ke-15 bulan kelapan setiap tahun serta dikenali sebagai Pesta Perpaduan kerana bulan penuh pada hari tersebut melambangkan keluarga yang lengkap dan bersatu" ujar beliau.



Turut hadir Amir Ali, Pegawai Kebudayaan UTeM, pegawai-pegawai Pejabat HEPA serta hampir 1200 pelajar dan tetamu jemputan dari institusi pengajian tinggi seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Tetamu telah dihiburkan dengan persembahan kebudayaan Cina seperti persembahan Er Hu, tarian gendang 24 musim, koir, perarakan tanglong, gerai jualan serta pameran.

Lawatan AUDIT PROGRAM PASCAIJAZAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM

18 September : UTeM telah menerima kunjungan lawatan audit bagi program pascaijazah Institusi Pengajian Tinggi Awam dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertujuan untuk menilai pengendalian program pascaijazah berdasarkan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) dan garis panduan lain.

Lawatan tersebut merupakan sebahagian daripada proses untuk mendapatkan akreditasi dari MQA terhadap program-program pascaijazah yang ditawarkan iaitu program di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah yang melibatkan enam buah fakulti.

Pasukan panel auditor seramai lapan orang yang diketuai oleh Prof. Dr. Shahrin Mohamad dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah melaksanakan audit dengan menilai beberapa aspek yang berkaitan iaitu proses pengajaran dan pembelajaran, struktur penawaran program, pengurusan program, perkhidmatan sokongan, dasar, polisi dan peraturan serta terma rujukan yang digunakan oleh UTeM.

Sesi pembukaan dan penutup lawatan tersebut telah dipengerusikan oleh Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusof Hassan, Naib Canselor manakala sesi pembentangan semasa mesyuarat pembukaan telah dibuat oleh Prof. Dr. Shahrin Sahib@ Sahibuddin, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

UTeM Terima KEMASUKAN 118 PELAJAR PASCASISWAZAH

11 September : Seramai 118 orang pelajar baharu program pascasiswazah telah mendaftarkan diri untuk mengikuti pengajian bagi sesi September 2013/2014 baru-baru ini.

Pada sesi pendaftaran yang diadakan di Pusat Pengajian Siswazah menyaksikan kehadiran pelajar-pelajar baharu dari pelbagai latar belakang dan peringkat umur yang akan mengikuti program pengajian di peringkat sarjana (master degree) dan kedoktoran (PhD).

Menurut Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad berkata, pihaknya mengalukan kehadiran semua pelajar baharu tersebut dan melahirkan penghargaan kerana membuat keputusan tepat untuk melanjutkan pengajian di peringkat pascasiswazah.

"Diharapkan pelajar dapat menunjukkan tahap kesarjanaan yang cemerlang sepanjang bergelar pelajar pascasiswazah serta mengambil peluang untuk meningkatkan ilmu dan keupayaan dalam penyelesaian masalah terutamanya melibatkan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D)", ujarnya lagi.

Pendaftaran tersebut menyaksikan pelajar antarabangsa dari Iraq, Iran, Jordan serta Kanada mendaftar menjadikan jumlah enrolmen keseluruhan pelajar pascasiswazah UTeM berjumlah 889 orang.



KELAB RAKAN 1MALAYSIA UTeM Rancang Program Kesukarelaan

Kelab Rakan 1Malaysia (KR1M) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) merancang pelbagai program bercorak kesukarelaan pada semester ini untuk manfaat masyarakat setempat di dalam dan luar negeri Melaka.

Perkara itu dinyatakan oleh presiden kelab tersebut, Ali Nabil Abdul Karim di dalam program Sejalin Ukhwah di Dewan UTeM 1, Kampus Industri Ayer Keroh baru-baru ini di hadapan 180 ahli KR1M.

Menurutnya lagi, antara program yang dirancang ialah Program Bersama Komuniti di Kampung Bukit Sedanan, Jasin, Melaka yang akan diadakan pada bulan November ini.

Antara pengisian program tersebut ialah sesi perkongsian ilmu kepada masyarakat setempat mengenai teknologi maklumat, kejuruteraan dan keusahawanan. Turut diadakan pada program itu ialah acara sukaneka rakyat.

Program lain yang dirancang adalah program kesukarelaan di Ranau, Sabah pada cuti semester Januari 2014 dengan jangkaan seramai 25 orang pelajar akan turut serta di dalam program tersebut. Program Sejalin Ukhwah yang diadakan bertujuan memberi panduan dan pengenalan mengenai fungsi dan peranan setiap biro di dalam kelab tersebut serta memperkenalkan ahli-ahli jawatankuasa KR1M UTeM.





PEJABAT BENDAHARI IKUTI



24 September : UTeM baru-baru ini telah menganjurkan sebuah program yang dikenali sebagai PERINTIS bertujuan memperkuatkkan semangat berpasukan dan menyuntik pemikiran kreatif dalam kalangan warga kerjanya.

Pada program tersebut, seramai 73 staf Pejabat Bendahari telah mengikuti keseluruhan modul yang disediakan oleh Unit Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia UTeM.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan sewaktu merasmikan program tersebut melahirkan harapan agar aktiviti yang dijalankan memberi manfaat kepada setiap individu dan seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan universiti.

Jelas beliau, "PERINTIS merupakan satu program dalaman yang mensasarkan pembentukan pasukan yang mantap beserta suntikan pemikiran kreatif yang akan digunakan untuk membangunkan universiti," katanya.



Program
PERINTIS
MENERAJUI PERUBAHAN



Beliau menambah, "Pengisian program PERINTIS melibatkan aktiviti fizikal, gerak kerja berkumpulan serta program kerohanian yang dianjurkan sepenuhnya di dalam Kampus Induk menggunakan kepakaran dalaman," jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti "eco escapade" iaitu program kembara melibatkan beberapa tugas yang perlu diselesaikan sepanjang perjalanan.

Peserta dikehendaki melengkapkan tugas atau cabaran di setiap "checkpoint" membabitkan kebolehan berfikir secara luar biasa, kesepakatan dalam pasukan serta kekuatan fizikal dan mental.

Selain itu peserta turut berpeluang mengikuti aktiviti lasak seperti memanjat tembok tiruan dan aktiviti "flying fox" selain bermalam di dalam khemah di tapak yang disediakan.

Kemuncak kepada program tersebut, peserta membentangkan idea-idea inovatif secara berkumpulan dalam usaha melonjakkan nama universiti ke peringkat lebih tinggi.



Kempen Derma **DARAH**



DAPAT SAMBUTAN HANGAT

11 September : Klinik Pelajar UTeM terus melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dengan mengajurkan kempen derma darah di bangunan Pusat Persatuan Pelajar, Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.



Menurut Pegawai Perubatan UTeM, Dr. Noor Raffidah Haron berkata, kempen tersebut diadakan bertepatan dengan seruan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membantu menampung bekalan darah di hospital-hospital kerajaan.

"Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran warga UTeM tentang kepentingan membantu menyelamatkan nyawa pesakit dan mendapatkan maklumat tepat berkaitan kebaikan menderma darah," jelas Dr. Noor Raffidah.

Katanya lagi, kerjasama erat pihaknya dengan Unit Tabung Darah Hospital Melaka menjadikan kempen derma darah di UTeM sentiasa mendapat sambutan daripada pelajar dan staf serta masyarakat setempat.

Seramai 300 orang telah turut serta untuk menderma darah dalam menjayakan kempen tersebut. Tambah beliau lagi, kempen derma darah akan diteruskan dari masa ke semasa bagi meningkatkan bekalan Unit Tabung Darah Hospital Melaka.

UTeM



SISWA UTeM JAYAKAN PROGRAM BUMI HIJAU

28 September : Seramai 30 mahasiswa UTeM telah menjayakan Program Bumi Hijau bertempat di Taman Bukit Katil Damai hari ini.

Program khidmat bakti dengan kerjasama Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga taman tersebut telah menyaksikan sebanyak 200 batang pokok berjaya ditanam serta dilabelkan di sekitar kawasan perumahan termasuk surau dan balairaya.

Pengetua Kolej Kediaman Mahasiswa Luar UTeM, Dr. Wan Hasrulnizzam Wan Mahmood berkata, program tersebut merupakan inisiatif mahasiswa UTeM untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan bersama komuniti di sekitar negeri ini dan sekaligus memberi kesedaran tentang kepentingan memelihara flora dan fauna.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Penduduk Taman Bukit Katil Damai, Mat Noor Hj Mat Zin turut berpendapat bahawa program ini memberi gambaran yang jelas mengenai peranan mahasiswa UTeM yang tidak sahaja bertumpu dalam hal akademik bahkan mampu memberi khidmat bakti kepada komuniti setempat.



SETINGGI-TINGGI
TAHANIAH



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM

KEPADА

**TUAN YANG TERUTAMA
TUN MOHD KHALIL BIN YAAKOB**
S.M.N, DUN.M, S.U.M.Z, S.J.M.K, S.S.A.P, P.S.M, S.I.M.P, S.P.D.K, D.P.D.S.A.P, J.S.M, S.M.P, G.C.O.M (GER)
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

SEMPENA
ULANG TAHUN KELAHIRAN KE 75
PADA 11 OKTOBER 2013
BERSAMAAN 6 ZULHIJJAH 1434H

DARIPADA



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PRO CANSELOR,
PENGERUSI, AHLI LEMBAGA PENGARAH,
NAIB CANSELOR & SELURUH WARGA
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA